

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [ JELUTONG ]**

**TARIKH** : **12 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan sekarang di semua pintu masuk sempadan negara, lapangan-lapangan terbang dan pelabuhan untuk melakukan saringan dan pemeriksaan perubatan pada sepanjang masa mulai sekarang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan mengambil serius mengenai langkah-langkah pencegahan yang diambil di semua pintu masuk sempadan negara, lapangan-lapangan terbang dan pelabuhan untuk melakukan saringan dan pemeriksaan perubatan pada sepanjang masa.

2. *Standard Operating Procedures* (SOP) di semua pintu masuk sempadan termasuk darat, lapangan terbang dan pelabuhan telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Mulai 24 Julai 2020, semua individu yang baru pulang dari luar negara dan memasuki Malaysia melalui Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) akan dikenakan perintah kuarantin wajib selama empat belas (14) hari dan perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin di Stesen Kuarantin yang

ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan kepada peruntukan di bawah subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Pemeriksaan dan tapisan kesihatan di PMA akan dilakukan oleh KKM dan *Health Assessment Tool* (HAT) akan dibekalkan untuk tujuan pemantauan sendiri sepanjang tempoh kuarantin.

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menanggung kos kuarantin bagi pemegang kad Orang Kelainan Upaya (OKU) Jabatan Kebajikan Masyarakat.

4. SOP di lapangan terbang, pelabuhan dan terminal pengangkutan awam turut dicadangkan oleh Kementerian Pengangkutan dan diluluskan oleh KKM. Antara langkah-langkah pencegahan yang terkandung dalam SOP berkenaan termasuklah:

a. saringan kesihatan untuk pekerja, pengguna dan penumpang di lapangan terbang, pelabuhan dan terminal pengangkutan awam. Mereka yang bergelaja atau suhu badan melebihi 37.5°Celsius, tidak dibenarkan masuk dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan;

b. memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dipraktikkan di kaunter tiket dan menggalakkan penggunaan transaksi tanpa sentuhan seperti penggunaan mesin layan diri, *e-wallet* dan *contactless payment* (paywave); dan

c. mewajibkan pemakaian pelitup muka, menggalakkan penggunaan *hand-sanitiser* serta menggalakkan muat turun dan daftar aplikasi MySejahtera bagi pengesanan kontak rapat.

5. Untuk makluman Yang Berhormat jua, SOP MOT dan KKM telahpun dimuatnaikkan dalam laman sesawang rasmi Kementerian dan laman sesawang rasmi Majlis Keselamatan Negara untuk rujukan orang awam. Ianya juga boleh dicapai melalui aplikasi MySejahtera.

Sekian, terima kasih.